

Pilih tanding dari seni

BERITA HARIAN, 15 February 2003, Page 27

Pilih tanding dari seni

Sheik: 95% muka baru mungkin anggap acara seni kurang menonjol dalam kejohanan antarabangsa

SILAT

OLEH

YUSOFF A. RAHMAN

NAMPAKNYA, pesilat-pesilat Singapura lebih ghairah ingin menjadi seperti johan dunia, Zulfakar Mohamed Ramli.

Kesimpulan ini dibuat selepas 95 peratus daripada 120 muka baru yang mengikuti ujian latihan skuad nasional baru-baru ini lebih ghairah memilih untuk menyertai acara tanding dibandingkan dengan acara seni.

Demikian dinyatakan oleh Pengarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob.

“Seramai 120 muka baru telah mengikuti ujian pemilihan tetapi 95 peratus daripada mereka memilih untuk menyertai acara tanding daripada seni,” kata Sheik sambil memberitahu bahawa skuad awalnya masih mempunyai 100 orang pesilat.

Menjelaskan tentang dinginnya sambutan untuk acara seni, Sheik berpendapat barangkali acara seni kurang menonjol dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa.

“Selalunya, acara tanding mendapat liputan meluas dan lebih memikat perhatian umum kerana persaingan dalam acara itu lebih sengit,” kata Sheik.

Namun begitu, ujarinya, Persisi akan tetap berusaha mendapatkan lebih ramai pesilat untuk bergiat dalam acara seni.

“Tidak semua pesilat yang ingin menyertai acara tanding akan menyerlah. Jadi siapa tahu, mereka akan lebih menyerlah dalam acara seni,” tambah Sheik.

Beliau juga memberitahu bahawa sebanyak enam pingat emas dipertandingkan dalam sebarang kejohanan antarabangsa untuk acara seni.

Untuk memastikan acara seni akan terus memikat pesilat-pesilat muda, Sheik berpendapat bengkel-bengkel perlu diadakan untuk memajukan acara seni.

“Kami tidak ingin berjaya dalam acara tanding sahaja. Kami juga ingin melahirkan pesilat-pesilat yang boleh memenangi pingat emas dalam acara seni,” ujarinya.

Menurut beliau lagi, Singapura tidak ketandusan pesilat-pesilat yang boleh menyerlah dalam acara seni tetapi bilangannya begitu terbatas.

Sebagai contoh, Singapura berjaya memungut pingat emas dalam acara seni Kejohanan Pencak Silat Asia-Pasifik melalui acara regu lelaki yang terdiri daripada Rahim Anwar, Hafizul Arham Suhaimi, Rashid Hanif dan Alya Osman.

“Tetapi, pesilat-pesilat yang membentuk regu lelaki Singapura menjadi harapan negara dalam kejohanan antarabangsa walaupun mereka belum memenangi pingat emas seperti dalam Sukan SEA atau Kejohanan Sedunia,” tambah Sheik.

Ditanya apakah pesilat Singapura menghadapi keadaan lebih sukar untuk memenangi pingat emas dalam acara seni berbanding dengan acara tanding, Sheik berkata:

“Saya tidak fikir begitu. Jika kita boleh menang dalam acara tanding, kita juga boleh menang dalam acara seni.

“Apatah lagi kita mempunyai jurulatih dari Indonesia dalam acara seni ini.”

“Tidak semua pesilat yang ingin menyertai acara tanding akan menyerlah. Jadi siapa tahu, mereka akan lebih menyerlah dalam acara seni... Kami tidak ingin berjaya dalam acara tanding sahaja. Kami juga ingin melahirkan pesilat-pesilat yang boleh memenangi pingat emas dalam acara seni.”

— Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yacoob.

Pilin tanding dari seni



Harapan negara: Tiga pesilat Singapura, (dari kiri) Rahim Anwar, Hafizul Arham Suhaimi dan Rashid Hanif, pernah memenangi pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Asia-Pasifik untuk acara seni.

FOTO: FAIL